

**PENIPUAN DALAM 1MDB**  
**Chedet.cc**  
**27 April 2016**  
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Akhirnya penipuan yang dilapor oleh media cetak dan elektronik di seluruh dunia diakui benar oleh Presiden dan Pengarah Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.
2. Arul mengaku akan kegagalan 1MDB membayar US 1 billion (RM 3.9 billion) kepada IPIC (International Petroleum Investment Company – Abu Dhabi), syarikat yang menjamin hutang 1MDB.
3. Mengikut IPIC syarikat bernama Aabar PJS Ltd (British Virgin Islands) yang menerima bayaran dari 1MDB bukanlah miliknya walaupun IPIC mempunyai sebuah syarikat dengan nama yang hampir sama, iaitu Aabar PJS Ltd.
4. Jika 1MDB membayar USD 1 billion kepada syarikat palsu, ada kemungkinan syarikat berkenaan ditubuh dengan pengetahuan 1MDB sendiri dan duit itu akhirnya dimasukkan dalam akaun persendirian. Sangkaan seperti ini memang dibuat oleh ramai orang, dan kenyataan Arul bahawa ada penipuan besar berlaku dalam 1MDB hanya mengesahkan sangkaan.
5. Arul akan cuba membetulkan yang salah tetapi benang basah sukar ditegak selepas pengakuan olehnya. Adalah lebih baik Arul cerita semua, berkenaan juruaudit dibuang, 1 billion US dilabur dalam JV 1MDB/Petro Saudi, tanpa kelulusan pengarahnya, tanpa pemeriksaan due diligence, dan kemudian dibubar tetapi modal tidak dikembali kepada 1MDB, sebaliknya diberi pinjam kepada Petro Saudi, duit yang pergi ke Cayman Islands yang tidak balik ke Malaysia tetapi ke Singapura yang menjelma jadi unit, yang dilihat oleh Arul tetapi tidak dilihat olehnya, peranan bank BIS dan lain-lain milik Jho Low perjalanan wang 1MDB ke Hong Kong, Switzerland, London, Amerika, British Virgin Islands, Seychelles, Abu Dhabi, penyalahgunaan duit KWAP, duit SRC mengalir ke dalam akaun Najib, konsesi minyak di Argentina dan Turkmenistan yang menjadi aset dan kemudian tidak menjadi aset dan beribu lagi cerita yang melibatkan wang 1MDB, dijelas, dinafi, diakui dan hilang tidak disebut lagi.
6. Sesungguhnya negara Malaysia tidak pernah melihat skandal yang sebegitu besar seperti skandal 1MDB. Rakyat yang sukar memahami berapa besarkah satu juta, sekarang mencuba menggambar banyak manakah satu billion, dan empat puluh dua billion. Bagaimanakah wang berbillion boleh kesana kesini sehingga akhirnya berada dalam akaun peribadi Najib. Rakyat menjadi bingung dengan cerita-cerita wang begitu banyak yang merata ke semua pelusuk dunia.
7. Dicerita pula pembiayaan pengeluaran filem lucah dengan ratusan juta Ringgit yang dibuat oleh anak tiri Najib, Waah! Banyaknya duit. Dari mana datangnya. Mudah. Duit Keluarga. Rupa-rupanya multi-milionaire Melayu sudah lama ada.
8. Dan banyak lagi pengakuan yang boleh dibuat oleh Arul, oleh pengerusi jawatankuasa penasihat, Peguam Negara dan Ketua Polis Negara dan jangan lupa Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi yang begitu berani bertindak sendiri meminjam dan melabur berbillion Ringgit dan USD bagi pihak 1MDB tanpa kebenaran, tanpa kelulusan badan pengarah dan orang atasan. Waah! Confident sungguh Shahrol. Apakah dianya juga yang terlibat dengan bayaran kepada Aabar PJS Ltd (Virgin Islands).

9. Satu filem drama boleh dibuat berkenaan 1MDB dan tokoh-tokoh serta lokasi diseluruh dunia yang terlibat. Red Granite boleh labur dan beberapa tokoh terkenal boleh jadi pelakon. Mungkin akan menang Oscar.

10. Demikianlah cerita 1MDB yang berjaya memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia. Akan lebih ramailah pelancong yang akan datang ke negara 1MDB.

11. Memang hebat Malaysia dizaman Najib!!

ENG VERSION

FRAUDS IN 1MDB

1. Finally, frauds reported by the print and electronic media around the world has been declared as true by the President and Executive Director of 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

2. Arul confessed to the failure of 1MDB to pay US1 billion (RM3.9 billion) to IPIC (International Petroleum Investment Company – Abu Dhabi), the company that guarantees debts of 1MDB.

3. According to IPIC, a company named Aabar PJS Ltd (British Virgin Islands) that received payments from 1MDB does not belong to them, although they own a company with almost a similar name, which is Aabar PJS Ltd.

4. If 1MDB had paid USD1 billion to a fake company, there is the possibility that the company had been incorporated with the knowledge of 1MDB itself and the money was eventually deposited into a personal account. Such allegations have been made by people, and the statement made by Arul that there is fraud in 1MDB only serves to confirm these allegations.

5. Arul will try to rectify the mistakes, but after his confession, it is difficult to right the wrong. It is better for Arul to reveal everything, regarding the auditors who were dismissed, the USD1 billion invested in the 1MDB/Petro Saudi JV without the approval of its directors, without due diligence exercise,, and then dissolved, but the capital was not returned to 1MDB, but on the other hand was loaned to Petro Saudi, the money that went to the Cayman Islands and not back to Malaysia but went to Singapore where it appeared as "units", which was sighted by Arul but not seen by him, the role of BIS Bank and others owned by Jho Low, the trail of 1MDB money to Hong Kong, Switzerland, London, United Kingdom, British Virgin Islands, Seychelles, Abu Dhabi, misuse of KWAP's money, SRC's money that flowed into Najib's account, oil concessions in Argentina and Turkmenistan, which were supposed to be assets but did not eventually become assets, and thousands more stories involving 1MDB's money, which were clarified, denied, confirmed, and disappeared not to be mentioned again.

6. Indeed, the country has never witnessed a scandal as huge as the 1MDB scandal. People who used to have difficulty in sizing how big one million is, are now trying to comprehend how much one billion is, and forty-two billion. How can billions of money be transferred here and there and finally ended up in Najib's personal account. People become confused with the stories of so much money making their way to all corners of the world.

7. Then there is this story about the production of a pornographic movie costing hundreds of million of Ringgit financed by Najib's stepson. Whoa! Plenty of money! Where does it come from? So Easy. Family fortune? Apparently multi-millionaire Malays have long been in existence.

8. And so much more admissions can be made by Arul, by the Chairman of the Advisory Committee, the Attorney General and the Inspector General of Police and not forgetting Datuk Shahrol Halmi who was so brave in acting alone to borrow and invest billions of Ringgits and USD for 1MDB without authority, without the approval of the Board of Directors and his superior. Whoa! Shahrol you are really confident. Was he also involved with the payments to Aabar PJS Ltd (Virgin Islands)?

9. A film drama can be made regarding 1MDB involving relevant personalities as well as locations throughout the world. Red Granite can invest and several prominent personalities can be an actors. Probably it will win an Oscar.

10. Such is the story of 1MDB that successfully introduced Malaysia to the world. Lots more tourists will becoming to this 1MDB Country.

11. Indeed, Behold Magnificent Malaysia during the times of Najib !!

114 thoughts on "PENIPUAN DALAM 1MDB"

1. [Log in to Reply sibotak](#) [May 3, 2016 6:45 AM](#)

It's seen Najib is a guy who like loan here nd there to solves his problem  
Personally I think Najib is also full of debts

Never did I notice any progress since He ruled  
The very reason He is not Fit to be not just The Prime Minister of Malaysia  
Aboves all He is sitting on Finance Minister taking care of Malaysia Finance  
And aboves all He is not Monitored by the System  
As such these is Today results

The 2.6 billion is another story But if it is found related to Govt Revenue  
Najib and Rosmah must not be allowed out of Malaysia  
Must be Charge respectively

It's Heart Broken knowing Malaysia  
A Nation Full of Resources much more than the Arab Middle East  
We do Not just have Oil , We a have everything  
We have Water basic human needs the Arabs Don,t  
But our Debts are Filthy Heavy

Najib irritates the Nation  
Najib is a Hatred to Malaysia

Despite of being Bodoh  
Najib is also Sombong and Boros  
Typical character of The Devil

The Devil is Heading Malaysia to Longkang Today

2. [Log in to Reply faridina](#) [May 3, 2016 12:51 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Kepada CFP@remisier kot yang selalu make sense, we alls buat ayat nak selamatkan diri sahaja yang penting dakwat Tun gerenti takkan habis punya cuma cukup faham dewasa ini Tun dan pasukannya teramatlah sibuk ke utara selatan utara demi kita rakyat teraniaya.

Kadangkala rasa bersalah pula tidak dapat turut serta kesemua lokasi dan hanya jadi pengkomen atas



kerusi empuk je .

Lebih terharu dalam pasukan Tun ada juga dari kalangan the last mohiccans, warrior and fighter iaitu TS Sanusi Junid walaupun dah uzur tapi ceramahnya mindanya cukup tajam, pedas dan tepat dengan fakta dan sejarah yang membuat lawan tak boleh nak balas balik secara ilmiah.

Yang ada cuma menteri2 bengap yang seorang tu nak bela bos dia tak dak modal sampai nak ajak Tun bertumbuk pulak! Dulu mamat ni yang cakap Biaqlah orang tua tu, baling batu pun kaca tak pecah.

Nazri anak Aziz kalau hang betui nak bertumbuk pi berlatiaq dengan Azalina pemegang tali pinggang hitam sampai khatam lepas tu pi jumpa Jamal Tongkol buat demo sikit depan Sogo jangan lupa pakai baju merah barulah Tun gerun kat hang sikit no.

Wahai ahli UMNO sekadar nak bertanya apa perasaan anda dapat menteri jenis sebegini;

- a. Cukup bangga.
- b. Sangat bangga.
- c. Teramat bangga.
- d. Semua di atas.

Kami rakyat tumpang bangga sebab anda ahli UMNO sama bengap dengan pak menteri awak orang dan ingatlah bahawa kebanggaan anda hari ini akan membawa seribu penyesalan di kemudian hari ini.

Alang2 berdakwat biar sampai jatuh En Najib berak merata.

Wasalam Tun.

### 3. [Log in to Reply rodin](#) [May 3, 2016 12:32 AM](#)

Kerajaan cuba menghina TDM dengan pelbagai cara. Adakah penarikan pengiring polis menjadi kudis kpd TDM? Siapa yang dapat melindungi kita daripada kemalangan atau musibah? Rasanya penghormatan terhadap TDM semakin bertambah kuat. Cuma media massa Malaysia sahaja yang menyembunyikan fakta. TDM boleh berjalan di mana-mana tanpa rasa takut kerana setiap orang yang beliau serempak akan menghulur tangan untuk mencium tangan beliau walau pun sudah tidak berjawatan dalam kerajaan.

Sedikit demi sedikit kebenaran sudah terserlah mengenai ketidakjujuran kerajaan sekarang. Krisis keyakinan semakin jelas walau pun cuba ditutup dengan pelbagai cara oleh kerajaan. Kuasa rakyat akan menentukan kerajaan semasa.

Semoga Allah masih menyayangi kita daripada ditipu dan ditindas.

4. [Log in to Reply Hajar](#) May 3, 2016 12:07 AM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

1. Di perhimpunan di Alor Setar Tun kata Tun masih sayangkan UMNO (asal). Saya dah kata dulu yang jiwa raga Tun masih lagi bersama UMNO. Cuma jasad Tun saja keluar UMNO (Thanks so much Tun).

2. Seperti Tun, saya juga anti-Najib (and gang), bukan anti-UMNO.

3. Tun juga kata yang Tun "PM 22 tahun pun tidak pernah meminjam RM1 Billion". Sebenarnya berhutang / meminjam wang ialah tabiat buruk. Ada orang berhutang kerana ingin bergaya atau menunjuk-nunjuk bukan kerana kerana keperluan. Jika meminjam kerana ingin beli rumah atau kenderaan, memang perlu.

4. DSN dan gang dalam 1MDB pinjam wang RM42 Billion sebenarnya untuk apa? Apa faedahnya kepada rakyat? Tiada faedah yang nampak. Hampeh! Bahkan rakyat terbeban kerana skandal 1MDB. Yang nampak ialah kehidupan 'super-mewah' DSN & keluarga.

5. Mungkin DSN dan gang ingat mereka akan dapat untung atas angin melabur di Cayman Island berdasarkan (percaya) 'kelentong' Pak2 Arab dan Jho Low. Jadi mereka 'songlap' dulu beberapa billion ringgit. Tapi ternyata 'pelaburan' lingkup dan duit bertukar menjadi 'just units'. Pelaburan2 lain pun entah apa2 dan penuh dengan PENIPUAN; siapa tipu siapa???

6. Sekarang seluruh dunia mahu tahu siapa 'penjenayah2 / penyangkal2' dalam skandal2 1MDB, wang RM2.6 Billion dan wang RM42 Juta milik SRCI dalam akaun2 DSN.

7. Yang kita tahu aset dan tanah2 berharga Negara telah tergadai/dijual kepada orang asing kerana mahu menutup kegagalan 1MDB membayar hutang.

8. Hutang 1MDB masih bertimbun-timbun (walaupun aset/tanah sudah terjual untuk bayar hutang). Orang lain bila bayar hutang ada aset yang bertambah & hutang LANGSAI – samada dapat tanah/rumah/kereta, etc. 1MDB pula, bayar hutang, tapi aset/tanah berkurang, bukan bertambah.

9. Amat memalukan cara rejim Najib (teritamanya Mr Arul Kanda yang sekarang ini jadi PENIPU nombor satu dalam 1MDB) mempertahankan segala salah-laku dalam 1MDB.

10. Tun jangan berhenti mendesak DSN supaya letak jawatan. Rejim Najib akan teruskan PENGANIAYAAN terhadap Tun, tapi saya yakin Tun bukan jenis yang mudah menyerah kalah dengan gertakan2 dan penganiayaan dari rejim Najib. Allah bersama orang-orang yang benar.

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*

5. [Log in to Reply cruze](#) May 2, 2016 11:32 PM

Beberapa bulan lalu azalina osman membuat kenyataan bahawa lelaki dan perempuan bukan muhrim boleh berpegangan tangan dalam drama dan filem, nancy shukeri pula mahu mansuhkan pesalah berkaitan dadah.....ini menteri bodoh.

Hari ini adenan satem dengan jelas memberitahu media bahawa najib sendiri meluluskan permohonan murtad rakyat sarawak :

1. Kata dapata derma kerana memperjuangkan islam.
2. Kata najib panglima islam.
3. Zakir naik mengislamkan orang tapi najib?
4. Adakah rasanya hanya orang serawak ini sahaja yang telah najib sendiri meluluskan permohonannya atau akan datang jika semakin ramai yang membuat permohonan sebegini apakah menteri, mufti dan alim ulamak akan jawab dan lakukan.
5. Mengapa mesti najib sendiri yang tolong adenan satim kata! Najib sebagai ketua negara tidak bagus membuat kenyataan begini untuk pembangunan ummah di masa kini dan akan datang.
6. Bagaimana jika permohonan akan datang di tolak? Ada kah kes ini akan di jadikan bukti pelepasan oleh ketua negara sendiri.
7. Sepatutnya biarkanlah hakim mahkamah syariah sendiri yang adenan satim sebut bukannya najib.
8. Imbas kembali rukun negara.
9. Campur tangan najib pada hal terpencil ini bisa menghilangkan kepercayaan masyarakat melayu yang beragama islam....tanggung sendiri akan perahu yang telah terlajak.....memang dosa itu masing masing tanggung tetapi dalam hal ini najib tidak boleh sama sekali menyebut apa apa.....biarkan jabatan agama atau jakim yang membuat ulasan akhbar...atau lain lain.

Menteri2 yang berkaitan, ulama ulamak, mufti perlis dan lain lain harus jelaskan pendapat masing2..

Assalamualaikum Tun...semuga Tun dan isteri sihat dan di lindungi allah.

6. [Log in to Reply HouseWife](#) [May 2, 2016 8:59 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Izinkan saya Tun. Tun, mereka sebenarnya dah terasa panas, tak senang duduk sebab itu mereka sedaya upaya nak tutup atau mengurangkan pengaruh Tun. Maka dengan itu mereka larang Tun memegang apa2 jawatan dalam dan luar kerajaan. Keistimewaan police escort Tun pun ditarik balik. Sebab apa mereka berbuat demikian? Apa yang mereka rancangkan? Tanya pada si nazri mulut celupar, dia spokesman police kan.

Kalau orang kaya raya boleh upah bodyguards dan pengiring, mungkin sahabat2 Tun yang kaya raya boleh beri sedikit bantuan pada Tun dengan mengupah bodyguards ke pengiring ke. Boleh ka? Tun tak minta bantuan mereka pun tapi takkan mereka sanggup biar Tun keseorangan. Atau adakah mereka pun takut kena tahan, kena sekat bisnes? Mungkin ada yang sudi bantu Tun secara sukarela. Demi keselamatan Tun, apa2 options perlu difikirkan dan dipertimbangkan. Sekarang keselamatan Tun amat penting.

Tun yang berumur 91 tahun pun tak rasa malas, penat, letih dan kecewa walaupun masih menanti penghasilannya. Namun, rasa kasih dan sayang pada negara tercinta Tun gagahkan diri juga. Kita yang

sedikit muda daripada Tun tak boleh berputus asa, mesti bersama-sama Tun menyingkir 'virus dan kuman' daripada terus berjangkit dan berleluasa.

Excuse me Tun to Sri Sense, so janganlah malas nak komen ye. I si housewife dapur ni like sebab you always post banyak links dan info2 terbaru. Begitu juga mereka yang lain di sini. Saya fikir Tun pun dapat kutip sedikit sebanyak ilmu daripada komen2 di chedet. By the way Sri Sense, I like your gambar and umrac's...so cute and so menenangkan jiwa. Barulah saya tak terkejut bila buka chedet tengah2 malam. Jangan marah ye Malaikat Maut, saya ni memang penakut orangnya. Thank you and May Allah bless you all.

May Allah Bless you Tun. May Allah Always Protect you Tun. May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. Please Tun, take extreme precaution in your safety. And follow only your trusted doctor's orders.

7. [Log in to Reply Sri Sense](#) May 2, 2016 6:05 PM

Salam Tun

I rasa Sarawak Election ini more important to Najib than Adenan. Tanpa Sarawak, Najib's government



would have fallen in 2013.



Faridina kata dakwat habis. Dakwat you ke atau Tun?.



I pun kadang2 malas nak komen, cakap apa pun sama aje.

Goodnight.

8. [Log in to Reply furqan](#) May 2, 2016 12:09 PM

Salam Tun

1. Hari ini berita menyatakan Najib "berterima kasih" kepada Zeti. Kebetulan ada pengumuman oleh BNM mengatakan BNM denda kepada 1MDB [yg juga dijamin oleh rakyat] menandakan "berakhirnya" probe [penyiasatan] kepada 1MDB. Sedangkan terlalu banyak isu yg belum diselesaikan, terutamanya wang sampai berbilion telah diserahkan kepada pihak yang tidak diketahui sepenuhnya ketika ini. Ini satu dari bukti jelas bagaimana Najib telah merosakkan integriti institusi penting negara ini. Sesiapa jua yg telah bersekongkong dan bersubahat melindungi jenayah penipuan ini mestilah dibawa ke muka pengadilan kemudian nanti. Perlu diingat, aliran duit 1MDB memang tidak akan terhapus dan akan dibongkar oleh institusi luar juga

2. Pembongkaran wang sampai berbilion yg telah pergi entah kemana ini adalah juga hasil laporan yang dikemukakan oleh Khairuddin kepada pihak institusi antarabangsa — tanpa laporan tersebut,

institusi luar juga mungkin tidak akan tahu akan jenayah penipuan dan pengubahan wang haram oleh 1MDB dan perompak2 negara. Maka tuduhan Khairuddin telah mengancam" keselamatan negara adalah satu pembohongan yang dibuat untuk melindungi perompakan mereka – jelasnya, perompak2 tersebut dengan penyokong2nyalah merupakan ancaman kepada kesejahteraan, keharmonian dan kestabilan negara ini.

3. Gaji minimum 1200. Apabila saya menyemak laman JPA, banyak gaji berijazah [kini] gaji permulaannya adalah sekitar 1900. Kalau ada pinjaman PTPTN, ditolak gaji itu, maka tidak mustahil gaji akan turun, ditolak lagi EPF, adakah tidak mustahil gaji akan jadi 1200? Jadi apakah sebab orang hendak belajar tinggi jika gaji tiada ijazah dan dengan ijazah ala kadar sahaja bezanya? Jika gaji minima diubah dari 900 ke 1200, maka pelarasan akan menjadi 33%. Tetapi mengapa anjakan gaji oleh kakitangan yang di atas bBukannya 33% juga, tapi lebih kurang 5% saja. Ini adalah perbuatan orang yang tidak ada akal fikiran tentang pelarasan gaji dan kesannya terhadap workforce competitiveness. Negara akan hilang lebih banyak tenaga mahir. Di luar negara, mereka amat suka mengambil pekerja yang mahir dan mengalu-alukan kedatangan mereka. Tapi polisi negara kita nampaknya dah jadi terbalik. Natijah dari ketua negara yang dikatakan tandatangan apa surat pun dia tak tahu maknanya

9. [Log in to Reply zulu](#) May 2, 2016 11:56 AM

An a\*hole called "Nazri Nazis" is talking about removing police protection to Tun M. What else should be expected from a guy who do b\*job for Najib...

10. [Log in to Reply rimba.emas](#) May 2, 2016 10:08 AM

Salam Tun.

1. Rimba Emas ke tempat anjuran Parti Amanah Rakyat di Bandar Stargate lebih awal. Bukan apa hendak lihat riaksi penduduk di situ.
2. Lewat petang anggota petugas sibuk mengendalikan majlis umpama penganjuran seperti mana di adakan konsert atau majlis keramaian dengan undangan khas protokol.
3. Bila adanya suasana begini jelas yang hadir hanyalah golongan yang kelapangan atau mereka yang ada motif lain untuk diambil dari suasana yang diadakan.
4. Contohnya golongan yang hadir untuk berniaga malah akan ada aktiviti sampingan mengutip derma. Semangat kebangsaan untuk berkorban hadir kerana isu ini penting tidak terjelma.
5. Isu yang diperjuangkan ialah soal salah laku seorang pemimpin. Jadi kalau ada pemimpin lain yang ambil kesempatan memperjuang salah laku ini untuk kepentingan diri dan partinya pasti tidak semua hati rakyat bersama dalam deklarasi ini.
6. Buangkan soal protokol kerana sifat inilah yang ada pada pemimpin yang sedang rakyat persoalkan. Beliau di persoal sebab mengenakan cukai seperti GST iaitu rakyat tidak sanggup ditambahkan cukai kerana bebanan hutang yang dibuatnya.
7. Pemimpin yang lain kalau awal-awal lagi masih mengharapkan bantuan kewangan dari rakyat bagaimana rakyat hendak mempercayai kebolehan pemimpin ini menghapuskan GST dengan kebolehan mendapatkan sumber kewangan cara lain tanpa kenaikan cukai dan memotong subsidi.

8. Rakyat bukannya hendak menukar kehidupan mewah pemimpin itu dengan di beri kepada pemimpin lain tetapi menolak pemimpin yang memewahkan dirinya dari hasil kewangan kerajaan yang bersumberkan cukai-cukai yang tidak direstui keseluruhan rakyat.
9. Rimba Emas terpaksa beredar awal bila majlis protokol telah melangkui 'masa itu emas' melebihi pukul 8.00 malam.
10. Maaf Tun kadang-kadang protokol, jawatan , perkumpulan elit membezakan kita dalam pergaulan. Diharap ' Chetdet' tidak menjadi begitu.
11. Allah s.w.t tidak membezakan darjat 'mudah berhubung' hamparkan sejadah kita menyembah kepadanya memohon pertolongan dari Jin dan manusia yang bernafsukan syaitan.
12. Selamat datang ke Penang Tun tempat kelahiran Rimba Emas. Harap Ketua Menteri tidak seperti yang terjadi di Sarawak. Rakyat biasa tidak selesa dan terbatas bila adanya protokol atau darjat.
13. Benar Allah s.w.t maha pemurah dengan membenarkan Rimba Emas senang berjalan di bumi ini melainkan di sekat oleh pemerintah yang konon katanya penguasa negeri itu . Dunia dan akhirat juga...???

Wallahua'lam

11. [Log in to Reply sibotak](#) May 2, 2016 7:47 AM

Najib able to Lie to Malaysian as He is in the upper hand as he is the PM  
As much as Geroqe Bush Lied to the World on Sept 11 and accuse Muslims as Terrorists

The Whole world knows US Bush is lying despite his Media support to Lie  
Same here Najib  
But where does it ends  
It wil Ends and every Criminals will pay for their Crimes now or hereafter

12. [Log in to Reply HBT456](#) May 2, 2016 7:46 AM

47. Jika rasa tidak berbaloi atau rasa tidak puas hati, anda boleh simpan tanah melayu tu sampai bila2 masa pun takda masalah.

48. Jika pemikiran yang amat sempit diteruskan, bukan saja kaum bukan melayu tak berani nak invest, kaum melayu sendiri pun rasa risau nak invest.

13. [Log in to Reply HBT456](#) May 2, 2016 7:37 AM

46. Jika sikap rakus, tidak brtoleransi, sabotaj, asyik memainkan isu petkauman bangsa dan agama sendiri d3ngan menjatuhkan maruah kaum2 dan agama bukan perjuangan mereka, flip flop, selfish, bodek sampai menyampah, tanah tu jual dengan harga runtuh, I mean, percuma, siapakah berani nak beli?

14. [Log in to Reply faridina](#) May 2, 2016 2:36 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Bersetuju sangat dengan ahalimr agar bro tinggi lah sangat (atuk saya lagi tinggi, 169cm belum cucu2 dia 175cm ke atas) diberi peluang buka blog dia sendiri sebab bab kata daeng orang ni satu2nya insan hebat dalam blog chedet ni yang cukup berkelayakkan menggantikan Encik Najib berak merata.

Orang ni kalau ada blog sendiri tentu ramai pengikut kerana karakternya yang terbilang menjadikan ianya kesukaan ramai tambahan pulak beliau ibarat professor serba tahu, pakar dalam semua bidang, perubatan / keagamaan / politik dan segala2nya.

Pada yang lain biarlah rendah merendang orangnya sebab sudah pasti hidung kita takkan meninggi pulak :).

Oh ya lupa nak habak mai lepas ni kami dah tak menulis lagi sebab stok dakwat dah habis:(. Sehingga berjumpa lagi.

Wasalam Tun dan jangan lupa jaga kesihatan sebab nampak susut sikit tu.

p/s – Setuju dengan rakyat Malaysia yang ke sejuta dan ayat penutup anda memang ada kelas yang tersendiri dan nampak keasliannya sebab tak pernah dengor ;

Ini soal tanggung & jawab.

Tak boleh jawab, tanggung.

Tak boleh tanggung, baik jawab.

15. [Log in to Reply Sri SenseMay 2,2016 12:10 AM](#)

Salam Tun



I nak share cerita business sahaja, takut nanti idea I kena songlap LOL

Tun



FocusM – **Beware when signing on the dotted line**

Petikan

Although the onus may lie with the audit committee (AC) of a public-listed company (PLC) to safeguard the integrity of financial reporting, this does not absolve other directors (who are not members of the AC) from their responsibilities.

Directors who are non-members of the AC should bear in mind that under the law, they, too, are accountable for the preparation of financial statements, cautions the Securities Commission (SC) in its latest issue of The Reporter bulletin.

"Directors should review financial statements carefully and with rigour based on sound understanding of the business," the SC points out in an article entitled Enhancing Quality of Financial Reporting by PLCs in the latest issue of The Reporter.

"Directors of PLCs should equip themselves with the ability to ask the management the right questions."

Goodnight Tun and all. Sleep tight.

16. [Log in to Reply malaysian1000000May 1,2016 11:09 PM](#)

Ada PM minta perkenan dari Tuanku Agong untuk membangunkan tanah di-Raja? Jika di Terengganu MB boleh ditarik gelaran kebesaran dari Tuanku Sultan kerana ingin menanugerahkan tanah di Terengganu tanpa perkenan Sultan Mizan. Kenapa PM tidak dikenakan tindakan yang sama?

Jika Tanah di-Raja boleh dibuat jual-beli apalah pulak hal tanah rizab melayu? Ini soal tanggung & jawab. Tak boleh jawab, tanggung. Tak boleh tanggung, baik jawab.

17. [Log in to Reply malaysian1000000May 1,2016 10:58 PM](#)

Salam,

Kepada Fariq Islam,

Ini bukan "blame game", ini soal penyalahgunaan dana kerajaan/awam sehingga menyebabkan "kehilangan" wang dana kerajaan/awam tanpa dapat dikesan dan tanpa penjelasan kukuh. Jika "rugi" kenapa terus melabur? Inilah soal "fiduasary" di mana, pembelanjaan dana kerajaan/awam tidak dapat "dipertanggung &jawabkan" ke atas individu yang meluluskan perbelanjaan itu.

Makhamah seharusnya sudah ada kes untuk dibicarakan apabila peguam kepada Najib sendiri telah mengaku yang PM telah "sign" document" tanpa usul periksa. Jika kesalahan ini boleh terlepas, bermakna, jika seorang PM "sign" document untuk menjual negara sekalipun PM boleh lepas dari sebarang tuduhan? Yang kena orang bawah? Padahal, orang yang diamanahkan untuk menjaga ke"daulat"-an negara adalah PM. Bahkan sudah ada pun tanah di-raja yang tergadai iaitu tanah kem tentera udara di-RAJA Malaysia sg. besi.

Anda boleh terima/memaafkan? Kalau macam itu bagi PM "sign" bagi pihak anda untuk jual rumah/tanah pusaka dan segala harta benda anda buat bayar hutang negara. PM tak salah, yang salah anda sebab anda telah membenarkan perkara itu berlaku walaupun anda tidak tahu dan tidak bersetuju. Logik? Masuk Akal? Dah lah harta benda tergadai, anda(rakyat) pulak yang salah.

TQ

18. [Log in to Reply WandyCaswadyMay 1,2016 6:03 PM](#)

\*Screen test Sudin\*

hey hang Najib. lebih kau turun. jikalau kau tak mau turun. kau tunggu di sana sampai aku datang. kau sudah tahu yang aku tunggu sama kau berapa lama dekat sini Najib. dan kau sudah tahu berapa kali

aku sudah buang air besar. ini ku rasa macam buasir terkucil tapi aku tahan, Najib. ini dah hampir tujuh kali.

CUT!! HAHHAH!!

Tuan director : apa yang kau merepek ini syaitan?

Sudin : angin senggugut masih ada lagi tuan.

HAHHA! BILA MASA LAKI ADA KENA SERANG SENGGUGUT??

19. [Log in to Reply WandyCaswady](#) [May 1,2016 1:13 PM](#)

Assalamualaikum...

Warran Kerajaan dgn MAS ada komplot...

Integrasi pekerja di antara negeri2 dalam Malaysia oleh Sumber Manusia ada komplot...

Penyelewengan wang dalam Pembelian parts kapal terbang ada dalam MAS Airlines...

Gaji dan Overtime Engineer dan Technician MAS Airlines perlu dikaji...

MAS... Masalah Akan Selesai umranrc

Jazakallahu khairan kathira...

20. [Log in to Reply wajaperak](#) [May 1,2016 11:33 AM](#)

Assallammualaikum Tun.

Saya mohon ruangan.

ahalimr..betul tu..

JANGAN JADI PENGEKUT..

Lawati saya di sini..

[zubirwaja@gmail.com](mailto:zubirwaja@gmail.com)

Terima kasih Tun..

21. [Log in to Reply Sri Sense](#) [May 1,2016 10:17 AM](#)

Tun

I tertinggal ini, komen hubby pasal police outriders kena tarik, hubby kata "tak bagi sampai cepat,



nanti orang penat tunggu, balik"

22. [Log in to Reply Sri Sense](#) [May 1,2016 10:00 AM](#)

Salam Tun

Banyak dah diperkatakan disini, ada juga lari kat blog Tun yang terdahulu komen.



Blog ini ada macam2, ada yang jenis auto semua komen boleh keluar, tidak ada

restriction.



ada yang jenis tunggu moderator timbang isi kandungan komen2 tersebut

dulu baru keluar – ini terpulang pada budi bicara admin, apa yang sesuai, apa yang tidak.

ada yang jenis tak diberi orang komen langsung, antara sebab admin malas nak monitor, admin



malas nak jawab komen2, atau admin anggap tidak perlu komen entry tersebut, dll



Bersambung dengan berita FMT

### **Rafizi makes 'polite' request to enter Sarawak**

KUCHING: PKR Secretary-General Rafizi Ramli today requested Sarawak Chief Minister Adenan Satem to allow him entry into the state for campaigning.

In a formal letter addressed to the CM's office, Rafizi wrote that he would like to go to Sarawak following reports stating that Adenan would allow certain Opposition leaders to enter the state if the request was made politely.

The Pandan MP said: "I assure you (Adenan) that I will not criticise you, your family or your administration.

"The purpose of my campaign is to focus on the weaknesses of (Prime Minister) Najib Razak at the national level.

"I believe this assurance can be considered as a declaration of good behaviour as requested by you previously."

Rafizi hoped Adenan would give an immediate reply to his request.

– LOL



23. [Log in to Reply](#) **faridina** May 1, 2016 8:46 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Selamat Hari Buruh dan Selamatkan Malaysia.

Tun tetap sibuk berceramah ke sana-sini sambil berkempen untuk Deklarasi Rakyat walaupun tanpa polis pengiring yang tiba2 sahaja ditarik balik oleh tangan2 ghaib walaupun bekas2 PM layak mendapat keistimewaan tersebut.

Najib pula terpaksa menyibukkan diri sendiri berkempen untuk pilihanraya negeri Sarawak walaupun hakikatnya beliau adalah liabiliti bagi kerajaan BN di sana. Dia bukan tahu sebenarnya Adenan Satim menyumpah dalam hati sebenarnya pada beliau Najib sebab dengan kehadiran Najib bermakna membawa bersama isu2 skandal 1MDB dan derma 2.6 billion yang sedang hangat diperkatakan di seluruh dunia.

Walaupun BN dijangka kembali memerintah namun angkara Najib diyakini kerusi BN akan mengalami kemerosotan begitu juga undi popular akan turut terjejas.

Percayalah pilihanraya negeri Sarawak ini bakal memberikan isyarat bahawa NAJIB MESTI PERGI!

Wasalam Tun.

24. [Log in to Reply Hajar](#) Apr 30, 2016 10:38 PM

Salam Dearest YAB Tun,

I watched Tun's video on 'Bicara Selamatkan Malaysia – JB'.

Bravo and well done Tun and the rest!

Very good attendance!

No wonder DSN's regime is panicking...sampai tarik 'keistimewaan' Tun sebagai bekas PM Malaysia. So unprofessional and unethical! Another stup\*d move...

Yes Tun, please save Malaysia from those moro\*s and liars. Never give up.

Thanks Tun.

\*\*\* May Allah S.W.T. bless Tun and family \*\*\*

25. [Log in to Reply ahalimr](#) Apr 30, 2016 10:18 PM

Wajaperak, apa yang kau faham dengan tulisan Tun di para 10 dan 11. Tun memuji atau menyindir Najib. Kalau kau tak faham dengan sindiran pedas Tun maka aku tak hairan kalau kau tak faham dengan komen bodoh aku yang menyindir Najib dan penyokong2 dia. Apa pun aku tak berminat nak berdebat dengan kau seperti orang lain dan you have no right untuk menyoal tentang hak Tun keatas blog dia. Kalau dah rasa hebat dan pandai sangat hingga semua orang dalam blog ni kau langgar, apa kata kau buka blog sendiri dan tukis panjang2. Kita tengok nanti blog mana lebih hebat dan ramai pengikut. Aku tak komen panjang2 sebab aku hormat ini blog Tun dan bukan tempat untuk aku tunjok kepandaian dengan menulis melalut tak tentu arah.

26. [Log in to Reply umranrc](#)[Apr 30,2016 8:15 PM](#)

Salam Tun,

Saya ni terdidik dalam kedua-dua bahasa lazim di Malaysia ni.... tetapi saya ingin bertanya kepada Tun dan kawan-kawan sekalian apakah maksud penulisan dibawah ini?

"It is not that Tun is less skilled than Najib in exploring the 1MDB for political mileage, but it seems Tun is surrounded by morons who cannot execute a simple plan even if their life depended on it. Reading the comments here, Tun must not be feeling too proud of his followers. Utterly useful idiots."

Kalau tulisan ini dialih bahasa...

"Ini tidak bermakna bahawa Tun adalah kurang mahir daripada Najib dalam meneroka 1MDB untuk kepentingan politik, tetapi ianya seolah-olah Tun dikelilingi oleh mereka-mereka yang bodoh dimana mereka ini tidak boleh melaksanakan satu rancangan yang mudah walaupun kehidupan mereka bergantung padanya. Membaca komen di sini, Tun tidak boleh berasa terlalu berbangga dengan pengikutnya. Bodoh betul betul berguna."

Apa sebenarnya yang ingin disampaikan? Adakah Tun masih mengejar cita-cita politik? Come on, dah 22 tahun jadi PM dan pada satu ketika, Tun sampai menyebut "saya tidak mahu KSM", untuk mereka yang tidak tahu, KSM = Kerja Sampai Mati.

Ok, adakah Tun mengejar cita-cita untuk menjadikan Mukhriz sebagai PM? Hahaha... pendapat ini terlalu bodoh. Selama Tun menjadi PM beliau boleh sahaja menyelitkan Mukhriz ke kedudukan strategik untuk membolehkan perkara ini berlaku, tetapi setahu saya ini tidak dilangsungkan.

Mmm... entahlah Tun, walaupun ada beberapa perkara yang saya kurang bersetuju dengan polisi-polisi yang diperkenalkan semasa pemerintahan Tun, tetapi dengan kenyataan yang tidak cerdik seperti ini, apa yang saya boleh katakan adalah, janganlah membawa gelaran jikalau kita dilahirkan kurang cerdik kerana ianya memalukan gelaran tersebut.

Terima Kasih Tun.

27. [Log in to Reply JPB](#)[Apr 30,2016 6:04 PM](#)

Salam Tun.

As the saying goes: "sepandai pandainya tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga"

The truth will prevail.

Just keep pressuring them. They are sure to crack.

28. [Log in to Reply Daniel Noor](#)[Apr 30,2016 4:54 PM](#)

Salam Tun,

30 juta rakyat termasuk rakyat Sarawak dan Sabah menderita akibat Najib. Cara yg terbaik utk turunkn Najib skrg ialah rakyat Sarawak mengundi dan memberi kemenangan kpd Pembangkang utk satu penggal saja.

Saya amat yakin sekira rakyat Sarawak memberi kemenangan kpd Pembangkang, Najib akan di paksa letak jawatan serta merta.

Semua rakyat Msia berharap dan berdoa rakyat Sarawak tidak memberi kemenangan pada Adenan.

Only this way this country can be saved from further miseries.

And once Najib step down, the 1MDB file should be opened again and those perpetrators be brought to justice

29. [Log in to Reply WandyCaswady](#) Apr 30,2016 3:40 PM

Salaamun aalaikum...

An-Nisa Verse No:171

O People of the Book! Commit no excesses in your religion: Nor say of Allah aught but the truth. Christ Jesus the son of Mary was (no more than) a messenger of Allah, and His Word, which He bestowed on Mary, and a spirit proceeding from Him: so believe in Allah and His messengers. Say not "Trinity": desist: it will be better for you: for Allah is one Allah: Glory be to Him: (far exalted is He) above having a son. To Him belong all things in the heavens and on earth. And enough is Allah as a Disposer of affairs.

Exodus 20:3

Thou shalt have No other Gods before me...

30. [Log in to Reply Sri Sense](#) Apr 30,2016 12:36 PM

Salam Tun

IMAO

1. Advisor Najib bukan orang professional tapi orang politik
2. Jika advisor orang professional mungkin Najib tak dengar kata, ramai client big ego, kita bagi pandangan dan suggestion also tak nak dengar, so macam mana? Makan gaji buta saje la, ambik fee



buta2 la. Kalau Islam haram makan gaji buta tu .

31. [Log in to Reply Sri Sense](#) Apr 30,2016 11:25 AM

Tun

Laa police outriders Tun pun kena cantas, ingat Kunta Kinte Original je. Banyak sungguh Tun dah



korbankan untuk rakyat Malaysia, I turut sedih



One thing for sure tambah Najib kejam, tambah rakyat sayang Tun Mahathir

32. [Log in to Reply nafeeznoh](#) Apr 30, 2016 10:39 AM

Salam Tun yg dikasihi & disayangi,

Baru2 ni atok saya mengamuk nak bunuh DSN, habis ngeri opah saya takut2 suaminya dah gila kena rasuk. Rasanya if atok bawa senapang ke hulu ke hilir luar rumah pun dah boleh kena tahan hahah. Semalam adik saya belanja makan 1 family, moga murah rezeki dia.

